

Sime Darby Property Perluas Portfolio di Kulai, Johor dengan Pembelian Tanah Bernilai RM418.5 Juta

- Pembelian kira-kira 556.96 ekar tanah pegangan bebas dalam Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura mengukuhkan bank tanah serta kehadiran Syarikat di Johor.
- Tapak tersebut akan dibangunkan sebagai sebuah perbandaran mampan dengan Nilai Pembangunan Kasar dianggarkan bernilai sebanyak RM3 bilion.
- Langkah ini menyokong strategi SHIFT32 Syarikat melalui peluasan asas pendapatan Syarikat di Johor serta mengukuhkan pertumbuhan portfolio jangka panjang.

ARA DAMANSARA, 11 Ogos 2026 – Sime Darby Property Berhad ("Sime Darby Property" atau "Syarikat") mengumumkan bahawa anak syarikat milik penuhnya, Sime Darby Property (Kulai) Sdn. Bhd., telah memeterai Perjanjian Jual Beli Bersyarat dengan SD Guthrie Berhad ("Guthrie") bagi membeli kira-kira 556.96 ekar tanah pegangan bebas di Ladang Kulai, Bahagian Kelan, Mukim Senai, Daerah Kulai, Johor Darul Ta'zim dengan nilai pertimbangan pembelian sebanyak RM418.5 juta.

Terletak secara strategik di sepanjang Jalan Kulai-Kota Tinggi dalam Zon Flagship F (Kulai-Sedenak) di Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura ("JS-SEZ"), Syarikat merancang untuk membangunkan tapak tersebut sebagai sebuah perbandaran mampan yang merangkumi pembangunan kediaman bertanah dan komersial, dengan Nilai Pembangunan Kasar ("*GDV*") dianggarkan bernilai RM3 bilion. Fasa pertama dijangka dilancarkan pada tahun 2028, manakala keseluruhan projek dijangka siap dalam tempoh 10 hingga 15 tahun.

Urus niaga ini dijangka akan mengukuhkan kedudukan Sime Darby Property di Johor dengan melengkapi pembangunan sedia ada di Bandar Universiti Pagoh dan Taman Pasir Putih, Pasir Gudang. Di samping itu, ia turut meluaskan asas pendapatan Syarikat di luar Lembah Klang dan Negeri Sembilan, selain menambah bank tanah di salah satu koridor pertumbuhan utama Johor lantas menyokong perancangan pembangunan jangka panjang Syarikat.

Dato' Seri Azmir Merican, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Sime Darby Property, berkata, "Urus niaga ini menandakan satu lagi langkah penting bagi Sime Darby Property dalam memperkukuh kehadiran kami di Johor. Lokasinya dalam Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura yang berpotensi tinggi memberi kami peluang untuk membangunkan

UNTUK SIARAN SEGERA

sebuah perbandaran mampan, berlandaskan rekod prestasi kami dalam membangunkan komuniti bersepadu dan berdaya maju."

"Dengan lokasi strategik dan keluasan tanah yang besar, kami yakin dapat membangunkan sebuah perbandaran yang memenuhi keperluan pasaran, di samping merencanakan aktiviti ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan serta menyumbang kepada pertumbuhan jangka panjang Johor. Urus niaga ini juga mencerminkan komitmen kami untuk terus memperluas portfolio pembangunan secara berhemat dan strategik, dengan memberi tumpuan kepada kawasan yang menawarkan prospek pertumbuhan jangka panjang." tambah Dato' Seri Azmir.

Akses dan Kesalinghubungan Strategik

Tapak ini terletak dengan strategiknya di sepanjang Jalan Kulai-Kota Tinggi dan menawarkan akses yang baik melalui jaringan jalan raya, udara dan rel menerusi Lebuhraya Utara-Selatan, Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Perkhidmatan Tren Elektrik ("ETS") serta Shuttle Selatan. Lokasinya juga bersebelahan Bandar Putra, sebuah perbandaran bercampur yang telah matang dalam koridor pertumbuhan Senai-Kulai. Kawasan sekitarnya yang dinamik turut menempatkan hab perindustrian dan perniagaan seperti Senai Airport City, i-Park @ Senai dan Sedenak Tech Park ("STeP").

Penduduk serta komuniti perniagaan pada masa hadapan akan menikmati akses mudah kepada pelbagai kemudahan merangkumi pusat beli-belah, kemudahan penjagaan kesihatan, institusi pendidikan, rangkaian pengangkutan dan kemudahan rekreasi termasuk Johor Premium Outlets, AEON Mall, Lotus's, Hospital Temenggong Seri Maharaja Tun Ibrahim, Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Stesen Kereta Api Kulai, Stesen Bas Kulai serta Palm Resort Golf & Country Club.

Urus niaga ini selaras dengan strategi SHIFT32 Sime Darby Property terhadap pemerolehan tanah secara strategik di lokasi yang menawarkan prospek pertumbuhan jangka panjang, sekali gus memperkukuh kedudukan Syarikat dan memperluas kehadirannya dalam salah satu koridor ekonomi utama negara.

– TAMAT –

UNTUK SIARAN SEGERA

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Dengan pengalaman melebihi 50 tahun, Sime Darby Property telah berkembang daripada pemaju komuniti terancang yang dipercayai kepada sebuah syarikat hartanah yang berpandangan ke hadapan, membentuk ekosistem yang mampan bagi menyokong cara masyarakat hidup, bekerja dan berkembang maju. Syarikat telah lama menetapkan penanda aras dalam aspek kualiti, inovasi dan kelestarian, menerusi pembangunan kediaman, bersepadu dan bertingkat tinggi di 28 perbandaran serta projek di seluruh Malaysia.

Perniagaan Syarikat adalah berteraskan dua segmen utama: Pembangunan Hartanah, yang kekal sebagai peneraju pasaran dalam pembangunan perbandaran dan projek bersepadu; serta Pelaburan & Pengurusan Aset, yang memberi tumpuan kepada penciptaan nilai jangka panjang melalui pemilikan dan pengurusan aset secara strategik.

Selaras dengan strategi SHIFT32, Sime Darby Property sedang mempercepatkan peralihan daripada pemaju hartanah konvensional kepada syarikat hartanah yang lebih pelbagai, dengan fokus yang lebih kepada peningkatan aliran pendapatan berulang. Syarikat terus menerajui segmen industri dan logistik melalui pembangunan utama seperti Elmina Business Park, Bandar Bukit Raja dan Hamilton Nilai City, serta menjadi pemaju hartanah tersenarai awam pertama di Malaysia yang menubuhkan dana pembangunan dalam sektor ini.

Sebagai sebuah organisasi yang berperanan sebagai *A Force For Good*, Syarikat komited untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050, sejajar dengan *Science Based Targets initiative (SBTi)* untuk mengehadkan kenaikan suhu global kepada 1.5°C. Sebagai penyokong kukuh prinsip ESG, Sime Darby Property merupakan konstituen Indeks *MSCI ACWI Small Cap* dengan penarafan *ESG MSCI BBB*, dinilai oleh CDP (*Carbon Disclosure Project*), serta tersenarai dalam Indeks *FTSE4Good* Bursa Malaysia dan *FTSE4Good* Bursa Malaysia Syariah, sekali gus mencerminkan komitmennya terhadap amalan ESG yang baik. Melalui badan dermanwannya, Yayasan Sime Darby, Syarikat terus memberi impak sosial yang bermakna dan berkekalan kepada semua komuniti di bawah seliaannya.

Sime Darby Property telah menerima pelbagai pengiktirafan, termasuk dinobatkan sebagai pemaju hartanah nombor satu Malaysia di *'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards'* oleh The Edge Malaysia bagi tahun 2024 dan 2025. Antara pencapaian lain termasuk anugerah tertinggi di *The Edge Malaysia Best Managed & Sustainable Property Awards 2025*, kemenangan di *FIABCI World Prix d'Excellence Awards*, *StarProperty Awards*, *Malaysia Developer Awards*, *Putra Brand Awards*, *PropertyGuru Asia Awards Malaysia*, serta tersenarai dalam *Fortune Southeast Asia 500* bagi tahun 2026 untuk tahun ketiga berturut-turut—mencerminkan kepimpinan berterusan Syarikat dalam industri.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.simedarbyproperty.com

Kontak Media:

- Hannah Rafee | +6017-878 8090 | hannah.rafee@simedarbyproperty.com
- Hanie Nasir | +6019-725 7015 | hanie.afieqah@simedarbyproperty.com

Untuk pertanyaan lanjut, sila e-mel: group.communications@simedarbyproperty.com